

Tolak ansur selesai masalah

24 JUL 1966

ALOR STAR, Rabu — Barisan Nasional (BN) dapat menyelesaikan masalah pembahagian kerusi negeri dan Parlimen melalui semangat bertolak ansur, tanpa menjejaskan kekuatan BN dalam menghadapi pilihanraya umum bulan depan, kata Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, walaupun sebuah parti komponen BN, Berjasa, memulaukan pilihanraya kali ini, yang dipertua parti itu, Datuk Wan Hashim Wan Ahmad, memberi jaminan akan kekal dalam BN dan menyokong calon-calonnya yang bertanding.

Beliau berharap Berjasa akan mengotai janjinya bagi menjamin kemenangan calon-calon BN. Malah, katanya, langkah Berjasa meninggalkan Barisan Nasional juga tidak akan menjejaskan peluang BN memperolehi kemenangan dua pertiga dalam pilihanraya nanti.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan demikian ketika kepada penyokong-penyokong BN di ibu pejabat Umno negeri di sini malam ini. Beliau juga mengumumkan senarai calon-calon BN yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen di Kedah.

Sebelum itu, Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Haji Aroff, yang juga pengerusi BN negeri, mengumumkan senarai calon BN bagi 28 kerusi Dewan Undangan Negeri ini.

Perdana Menteri berkata, parti-

parti komponen BN sentiasa mengamalkan semangat bertolak ansur demi kebalkan bersama, termasuk juga dalam soal pembahagian kerusi dalam pilihanraya.

Katanya, walaupun bilangan anggota BN sudah bertambah berbanding hanya tiga ketika dikenali sebagai ketika Perikatan dulu, masalah pembahagian kerusi dapat diselesaikan tanpa berlaku sebarang perselisihan kerana masing-masing percaya kepada BN dan asas perjuangannya serta tidak bersikap tamak.

Kadang-kadang, ada kawasan yang didapati tidak sesuai untuk sesuatu kaum tetapi kita menyokong siapa juga yang dicalonkan supaya BN menang lebih dua pertiga, katanya.

Dengan kemenangan itu, katanya, kerajaan akan dapat menumpukan perhatian kepada perkara-perkara lain untuk pembangunan rakyat dan negara.

Beliau mengingatkan bahawa tanpa kemenangan dua pertiga, negara tidak akan stabil kerana semua perhatian akan tertumpu kepada soal politik dan masing-masing akan berusaha menubuhkan kerajaan.

Oleh itu, katanya, jika ada pembangkang yang memerlukan lima atau enam kerusi sahaja untuk membolehkannya menubuhkan kerajaan, sudah tentu akan berlaku perbuatan membeli sokongan daripada parti lain.